

24 SEP 2002

Abdullah-Gaya

CALON BN DI GAYA DITENTUKAN OLEH PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 24 Sept (Bernama) -- Bakal calon Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil kerusi Parlimen kawasan Gaya akan ditentukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembalinya Perdana Menteri daripada mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di Denmark, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Perkara ini akan kita kemukakan kepada PM apabila beliau pulang nanti," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat khas dengan para pemimpin BN negeri di sini hari ini.

Abdullah berkata semua parti komponen yang hadir dalam mesyuarat khas itu yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat yang juga Pengerusi BN Sabah, memberi jaminan akan menyokong dan membantu calon BN dalam pilihan raya kecil iitu nanti.

"Semuanya bermuafakat, semuanya bersetuju akan sokong siapa juga yang akan ditempatkan sebagai calon Barisan Nasional.

"Kita yakin dengan muafakat yang ditunjukkan, dengan izin Tuhan, kemenangan ini akan menjadi satu-satunya kemenangan yang besar bagi kawasan ini," katanya.

Abdullah berkata pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO telah mula mengorak 7langkah bagi memastikan pengundi-pengundi yang ada dalam senarai daftar pemilih parti sama dengan nama yang ada dalam daftar pengundi yang dipakai oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

"Kita hendak pastikan tidak ada kekeliruan. Kita harap SPR akan memaklumkan kepada kita secepat mungkin daftar pengundi yang akan dipakai itu," katanya.

Beliau berkata BN tidak mahu mana-mana pengundi yang namanya sudah ada dalam daftar yang digunakan oleh parti tetapi tidak dapat mengundi kerana tidak ada dalam daftar SPR.

Kerusi Gaya kosong selepas penyandanganya Datuk Yong Teck Lee, Presiden Parti Maju Sabah, hilang kelayakannya selepas mahkamah mendapati beliau melakukan rasuah pada pilihan raya 1999.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu ialah 3 Okt dan pengundian ialah pada 12 Okt ini.

Dalam pilihan raya lepas, Yong meraih 15,315 untuk menewaskan dua orang calon dengan kelebihan 4,117 undi. Gaya mempunyai 49,426 pemilih.

-- BERNAMA

MK MAI